

Tahap Kesediaan Kerajaan Kelantan Terhadap Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015

Anuar Al Sadat Haji Noor

anuarsadat56@gmail.com

Universiti Malaysia Kelantan

Mohd Zain Mubarak

mzain@umk.edu.my

Universiti Malaysia Kelantan

Nur Azuki Yusuff

nurazuki@umk.edu.my

Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Hasrat kerajaan negeri Kelantan untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 menjadi isu dan polemik yang tidak berkesudahan sama ada dari sudut politik, perundangan dan kemampuan Kerajaan Negeri Kelantan. Kemampuan di sini merujuk kepada aspek infrastruktur, kakinangan, kemahiran dan lain-lain. Jika isu perundangan dan politik dapat diatasi bagi membolehkan KJS II (1993) 2015 dilaksanakan, timbul persoalan adakah Kerajaan Negeri Kelantan mampu dan bersedia untuk merealisasikannya?. Kajian ini melalui pendekatan kualitatif meneliti tahap kesediaan pelaksanaan KJS II ini melalui pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK, Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan dan Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan. Data diperoleh melalui kajian dokumen dan temu bual informan penting berkaitan pelaksanaan KJS II dan agensi terbabit. Hasil kajian mendapati persediaan Kerajaan Negeri Kelantan melalui beberapa agensi tersebut berada pada tahap yang tidak memuaskan. Banyak kekurangan yang perlu ditambahbaik dalam persediaan untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Kerjasama di antara agensi yang terlibat tidak begitu jelas sama ada di peringkat negeri atau persekutuan. Sekiranya aspek ini tidak ditangani dengan sebaiknya, hasrat dan kemampuan dalam merealisasikan KJS II (1993) 2015 ini dikhawatir akan menemui kegagalan dan menjelaskan syiar Islam itu sendiri.

Kata Kunci: Kesediaan, Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015, Kerajaan Kelantan.

PENGENALAN

Penggubalan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 (KJS II) merupakan suatu usaha untuk melaksanakan undang- undang syariah sebagaimana perintah Allah SWT. KJS II (1993) 2015 merupakan undang-undang jenayah Islam yang merangkumi kesalahan hudud, qisas dan takzir. Undang-undang ini telah digubal, disah dan telah diampuni perkenan atau persetujuan di raja oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan pada 23 April 2015 (Warta Kerajaan

Kelantan, 2015). Namun, pelaksanaannya terhalang kerana terdapat beberapa kekangan seperti isu perundungan dan juga persediaan dari sudut kemudahan infrastruktur, sumber tenaga manusia dan sebagainya. KJS II (1993) 2015 adalah hasil daripada pemahaman terhadap syariah yang diutuskan oleh Allah SWT. Proses kodifikasi oleh manusia yang berteraskan undang-undang dan peraturan setempat, pastinya ada kekurangan kerana ianya bersifat manusiawi. Mencari kesimbangan dan kesempurnaan yang adil dan tepat adalah mustahil kerana ianya tersasar daripada kemampuan manusia, ini kerana akal manusia yang terhad, ilmu yang terbatas, tambahan lagi manusia tidak dapat terhindar dari kelemahan, sama ada sedar ataupun tidak. Oleh itu sesuatu undang-undang yang dihasilkan oleh manusia hasil daripada pemahaman teks atau sumber-sumber tertentu akan ada kekurangan, seperti mana yang ditunjukkan oleh realiti masa kini dan sejarah silam. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu untuk memberikan hak kepada setiap sesuatu yang wujud sama ada kebendaan ataupun kerohanian menurut neraca dan timbangan yang adil (Al-Qaradhwai, 2010).

LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN

Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 merupakan suatu manifestasi perjuangan Parti Islam Se Malaysia (PAS) dalam memartabatkan Islam di bumi Malaysia. Kuasa dan pemerintahan adalah merupakan pra syarat utama untuk melakukan sesuatu dalam sesebuah negara termasuklah pelaksanaan undang-undang sebagaimana maksud hadis Nabi SAW:

*“Agama adalah asas, kuasa/ pemerintahan adalah perisai,
 sekiranya tiada asas akan hancur dan sekiranya tiada kuasa,
 pemerintahan akan menjadi lemah”.* (Fadhilatul Adiliin minal
 wulaah li abi Nu aim, 1997. Hadis: 39)

Berdasarkan penguasaan PAS di Kelantan pada awal 90 an lagi, kerajaan Kelantan telah meluluskan KJS II (1993) 2015 bagi menjayakan hasrat melaksanakan undang-undang Islam di Kelantan. Namun, hasrat tersebut belum menjadi kenyataan kerana beberapa kekangan seperti isu pemahaman dan tafsiran perlombagaan yang berbeza, aspek perundungan, sumber tenaga manusia dan juga infrastruktur. Rentetan daripada itu, kelemahan dari sudut agensi dan institusi berkaitan juga turut menjadi halangan. Antara isu besar ialah tahap kerjasama antara agensi-agensi berkenaan terhadap pelaksana undang-undang. Kajian ini memfokuskan kepada tahap persediaan kerajaan Kelantan ke arah pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 dalam aspek perundungan dan penguatkuasaan yang melibatkan agensi penting seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan (JPSK) dan Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK).

OBJEKTIF & METODOLOGI

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap kesediaan dan kemampuan kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015. Tahap kesediaan dan kemampuan ini dilihat dari sudut perundungan dan penguatkuasaan yang melibatkan tiga (3) agensi penting iaitu Pejabat Penguatkuasa Agama Islam (PPA JAHEAIK), Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan (JPSK) dan Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK). Pendekatan kualitatif digunakan melibatkan data kepustakaan seperti buku, dokumen,

minit mesyuarat dan data lapangan melalui proses temu bual. Seramai 30 informan mewakili pelbagai agensi dan jawatan yang terlibat secara langsung terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015 terlibat dalam kajian ini. Pemilihan informan terbabit seperti dalam Jadual 1 adalah bagi memastikan data yang diperoleh adalah signifikan dan menepati objektif yang ditetapkan.

JADUAL 1: Informan Kajian

IN.	JAWATAN	IN.	JAWATAN/NAMA	IN.	JAWATAN
1	Timb. Menteri Besar Kelantan	11	Mufti Negeri Kelantan	21	Peg. Agama Jajahan 2
2	Ketua Pengarah JKSM/Ketua Hakim Syar'ie Malaysia	12	Exco Kerajaan Negeri (2)	22	Peg. Agama Jajahan 3
3	Pengarah JAHEAIK	13	Prof. Dr. Shamrahayu	23	Pen. Agama Jajahan 4
4	Timb. Pengarah (Operasi) JAHEAIK	14	Prof. Dr. Mahmood Zuhdi	24	Ketua Hakim Syar'ie Kelantan
5	Ketua Polis Kelantan	15	Prof. Dr. Siti Zubaidah	25	Pen. Pegawai Penguatkuasa 1
6	Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri	16	Timb. Pengarah Kesihatan Kelantan	26	Pen. Pegawai Penguatkuasa 2
7	Exco Kerajaan Negeri (1)	17	Pen. Kanan Komisioner Penjara Kelantan	27	Pegawai Polis IPK Kelantan
8	KPP Penguatkuasa Undang-undang Syariah (JAHEAIK)	18	Peguambela & Peguamcara 1	28	Peg. Penguatkuasa Undang-undang Islam
9	Hakim Mahkamah Syariah	19	Peguambela & Peguamcara 2	29	Pen. Pengarah Penguatkuasa (JAHEAIK)
10	Ketua Pendakwa/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah	20	Peg. Agama Jajahan 1	30	Pen. Pegawai Tadbir Daerah

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kesediaan Dan Kemampuan Pelaksanaan KJS II (1993) 2015

Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan akan melibatkan beberapa jabatan dan agensi sama ada di bawah Kerajaan Negeri Kelantan atau Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan kajian dokumentasi dan temu bual yang dijalankan oleh penyelidik di beberapa jabatan terlibat dalam kesediaan ke arah pelaksanaan KJS II (1993) 2015 iaitu:

Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan

Jabatan Pendakwaan Syariah, pada awalnya adalah merupakan sebahagian daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Namun, pada tahun 2015 Bahagian Pendakwaan Syariah telah dipisahkan daripada JAHEAIK. Pemisahan ini bertujuan untuk menjadikan Bahagian Pendakwaan Syariah sebagai sebuah jabatan, iaitu Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan, sejajar dengan persediaan Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015. Pengasingan ini juga bertujuan menguatkuasakan enakmen baharu iaitu Kanun Jenayah Syariah (1) 2019 supaya lebih bebas dalam menentukan sebarang keputusan. Pemisahan ini menjadikan Kelantan adalah negeri pertama yang mengasingkan Bahagian Pendakwaan Syariah daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam berbanding dengan negeri-negeri lain.

Kewujudan Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan (JPSK) telah menjadi suatu modal kepada kerajaan Kelantan sebagai persiapan untuk melaksanakan KJS II (1993)

2015. Malah, dikatakan sebagai negeri pertama yang memisahkan bahagian pendakwaan Syariah daripada Jabatan Agama Islam Negeri. Namun begitu pemisahan Bahagian Pendakwaan Syariah daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan adalah ‘tidak sah’ mengikut Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana masih belum mendapat kelulusan perjawatan rasmi daripada JPA bagi tujuan penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan sehingga 1 Januari 2024. Pemisahan ini sebenarnya adalah atas arahan dan keputusan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Kelantan sahaja (Minit Mesyuarat Exco Kelantan, 2015). Fungsi JPSK amat penting terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015 namun kesediaan Kerajaan Negeri dari sudut undang-undang, sumber manusia, latihan dan kemudahan infrastruktur sangat mendesak. Pengarah Pendakwaan¹, Jabatan Pendakwaan Syarie Kelantan menjelaskan:

“Hubungan dan kerjasama dengan pelbagai agensi lain perlu diambil kira. Undang-undang ini bersifat berangkai dan bagi tujuan pelaksanaan, undang-undang substantif seperti tatacara dan undang-undang keterangan perlu ada dan ini melibatkan beberapa jabatan lain seperti Pejabat Penguatkuasa Undang-Undang Syariah (JAHEAIK) dan Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK) “

“Persoalan yang timbul di sini ialah Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah masih lagi berada di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, kepakaran, kemampuan mereka dan sifat adil mereka mungkin dipersoal. Manakala dari sudut Mahkamah Syariah, Mahkamah yang akan membicarakan kes di bawah KJS II (1993) 2015 & Hudud adalah mahkamah khas, bagaimana cara penubuhannya dan setakat mana penubuhan mungkin di luar pengetahuannya”.

Aspek pendakwaan merupakan antara cabaran besar dalam hal ini. Perkara ini disuarakan oleh Pengurus Persatuan Peguam Syarie Kelantan (PPSK)² yang menyatakan ketidakcekapan dan kurang pendedahan dalam aspek pengurusan pendakwaan ini wujud. Sering kali berlaku kes tangkapan khalwat, minum arak, tidak puasa dan lain-lain di mana orang kena tuduh (OKT) tidak mengaku salah dan memohon untuk dibicarakan di mahkamah. Terdapat kes-kes yang telah ditolak dan dibuang kes oleh mahkamah bicara, dengan kata lain pihak pendakwa telah kalah dalam perbicaraan. Kekalahan dalam perbicaraan tersebut adalah disebabkan perkara-perkara asas dalam kes-kes pendakwaan seperti pihak penguatkuasa agama dan pendakwa syar’ie gagal untuk mengemukakan bahan bukti kepada mahkamah. Hal ini berlaku kerana pada kebiasaan OKT akan secara sukarela membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan yang dibacakan kepada mereka, tanpa ada apa-apa bantahan. Perkara ini diambil mudah oleh pihak penguatkuasaan dan pendakwaan apabila seringkali tidak membuat persiapan rapi dalam menghadapi sesuatu kes perbicaraan. Budaya mengambil mudah ini telah memberi kesan terhadap kecekapan pihak penguatkuasaan dan pendakwaan. Justeru, dikhawatir apabila KJS II (1993) 2015 ini dilaksanakan kelak, perkara sebegini boleh berlaku dan memberi kesan besar terhadap keadilan dan keberkesanan undang-undang Islam.

Jika merujuk kepada kes-kes jenayah syariah seperti khalwat, judi, minum arak, mukadimah zina dan lain-lain yang dibawa oleh pihak pendakwaan ke mahkamah bicara,

¹Temu bual dengan In10, Ketua Pendakwa & Hakim, Jabatan Pendakwaan Syarie Kelantan pada 28.3.2019 di pejabat pendakwaan syar’ie, Balai Islam Kelantan.

²Temu bual dengan In18, Peguambela dan peguamcara, peguam Syarie (Pengurus Persatuan Peguam Syarie Negeri Kelantan), pada 4.5.2020 di PT 847 Lorong Masjid Kg. Chicha, Kubang Kerian Kelantan.

kebiasaannya orang kena tuduh (OKT) akan membuat pengakuan bersalah secara sukarela. Pengakuan bersalah ini kerana mereka tidak mahu melanjutkan tempoh perbicaraan kes selain menjadi heboh apabila mendapat liputan media dan sebagainya. Pada kebiasaannya dalam kes ini OKT akan dijatuhkan oleh mahkamah dengan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 sahaja tanpa penjara. Jika sekiranya mahkamah menjatuhkan hukuman penjara, maka OKT akan membuat rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah dan seterusnya di Mahkamah Rayuan Syariah. Perkara ini dikongsikan oleh Hakim Mahkamah Syariah Kota Bharu³ dan menurut beliau lagi, jika berlaku perbicaraan di antara Pendakwa *lawan* OKT, sering kali pihak pendakwa tidak berani untuk menghadapi peguam-peguam yang mewakili OKT, apatah lagi kes-kes jenayah di bawah KJS II (1993) 2015 dan Hudud yang melibatkan hukuman seperti potong tangan, sebatan sehingga seratus kali dan denda sehingga RM100,000. Kes ini pastinya akan mendapat liputan media dan OKT akan diwakili oleh peguam yang mempunyai reputasi tinggi dan boleh menimbulkan kegerunan kepada pihak pendakwaan.

Dalam kes-kes tangkapan di mahkamah pula, pengalaman pihak penguatkuasa berdepan dengan situasi sewaktu perbicaraan juga menarik untuk dibincangkan. Hal ini dikongsikan oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Penguatkuasa)⁴ yang menyatakan bahawa beliau pernah menjadi saksi semasa perbicaraan kes tangkapan khalwat. Semasa pihak pendakwa Syarie mengemukakan soalan kepada saksi, iaitu anggota penguatkuasa yang menjalankan kerja-kerja tangkapan dan siasatan kes tersebut, pihak pendakwa Syarie terlalu “menekan” dan bertindak “menyerang” saksi atau anggota penguatkuasa, seolah-olah pendakwa Syarie adalah peguam kepada OKT. Ini menimbulkan kegelisahan dan ketakutan kepada saksi atau anggota penguatkuasa. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan pihak penguatkuasa dari sudut ilmu dan kemahiran berkaitan dalam aspek perbicaraan di mahkamah. Malah hal ini disebut oleh In26⁵ yang menjelaskan pihak penguatkuasa dan pendakwa kurang mengadakan kursus dan pendedahan mengenai perbicaraan seperti “*moot court*” dan “*moot trail*” kepada anggota penguatkuasa agama sebagai persediaan untuk menghadapi perbicaraan di mahkamah.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, boleh dikatakan tahap kesediaan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan masih banyak kekurangan dan belum mencukupi dalam pelbagai aspek merangkumi isu perjawatan, kecekapan, pengalaman, jalinan kerjasama di antara agensi yang terlibat. Justeru, perkara ini memerlukan usaha yang serius oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) dan Pejabat Sumber Manusia (PSM) bagi meningkatkan kompetensi, mutu pentadbiran dan kecekapan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan. Kerajaan Negeri mesti memberi penekanan dan perhatian kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan sebagai bukti kesediaan dan kesungguhan dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan

Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah (JAHEAIK) merupakan salah satu pihak yang amat penting dalam menguatkuasakan KJS II (1993) 2015 dan Hudud. Antara bidang tugasnya ialah menangkap, menyiasat dan hadir bicara di Mahkamah Syariah dalam

³Temu bual dengan In9, Hakim Mahkamah Rendah Kota Bharu pada 11.7.2019 melalui perbualan telefon.

⁴Temu bual dengan In25, Penolong Pegawai Penguatkuasa Kota Bharu, pada 13.5.2019 melalui perbualan telefon.

⁵Temu bual dengan In26, Penolong Pegawai Penguatkuasa Kota Bharu, pada 13.5.2019 di Pejabat Penguatkuasa JAHEAIK.

kes-kes di bawah KJS (1985)⁶. Apabila KJS II (1993) 2015 dilaksanakan kelak, peranan Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JAHEAIK adalah sama sebagaimana lazimnya. Namun, bebanan dan cabaran dalam melaksanakan tugas akan bertambah dan memerlukan perhatian yang lebih daripada pihak kerajaan.

Sejarah penubuhan Bahagian Penguatkuasaan Syariah bermula pada 1hb. Disember 1950 dan diletakkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dengan nama Pejabat Penyelia Ugama yang juga dikenali sebagai Pejabat Pencegah Maksiat. Pada 1 Januari 1980, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) telah ditubuhkan dan pejabat penyelia ugama diletakkan di bawah JAHEAIK dengan nama Pejabat Penyelia Ugama (PPU). Manakala di peringkat jajahan seluruh negeri Kelantan diletakkan di bawah Pejabat Kadi Jajahan (kini dikenali sebagai Pejabat Agama Jajahan). Pada tahun 1998 pejabat penyelia agama sekali lagi bertukar nama kepada Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah (PUS), selari dengan pentadbiran di peringkat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan juga jabatan agama Islam negeri-negeri (JAIN) seluruh Malaysia (jaheaik.kelantan.gov.my)

Dari segi struktur organisasi, pentadbiran Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah di ibu pejabat (JAHEAIK) diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah (Gred S48), dibantu oleh seorang Penolong Pengarah Unit Operasi (S41/S44), seorang Penolong Pengarah Unit Pencegahan (S41/S44) dan seorang Penolong Pengarah Unit Siasatan (S41/S44) serta kakitangan sokongan yang lain. Manakala bahagian penguatkuasa agama di peringkat pejabat agama jajahan (PAJ) seluruh Kelantan pula diketuai oleh seorang Pegawai Agama Jajahan (Gred S48) atau (Gred S44), dibantu oleh Penolong Pegawai hal Ehwal Islam (Gred 32) Pembantu Hal Ehwal Islam (Gred 22) dan (Gred 19). Mengikut Penolong Pengarah Penguatkuasaan (Operasi), bilangan kakitangan sama ada di ibu pejabat atau di pejabat agama jajahan adalah tidak mencukupi berbanding dengan beban tugas penguatkuasaan. Hal ini boleh dilihat pada Jadual 2.0 di bawah;

JADUAL 2: Anggota Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Kelantan (JAHEAIK) 2022

BIL	FORMASI	PEGAWAI	ANGGOTA	JUMLAH
1	Ibu Pejabat (KB)	4	28	32
2	Kota Bharu	1	3	4
3	Pasir Mas	1	4	5
4	Gua Musang	1	4	5
5	Kuala Krai	1	5	6
6	Tumpat	1	3	4
7	Machang	1	4	5
8	Pasir Puteh	1	4	5
9	Bachok	1	4	5
10	Tanah Merah	1	3	4
11	Jeli	1	4	5
JUMLAH		14	66	80

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) (Khairul Anwar Mohammed Hanif, Penolong Pengarah Penguatkuasaan (Operasi)

⁶KJS (1985) merupakan enakmen lama yang sedang digunakan.

Kekurangan anggota penguatkuasa syariah memberi kesan yang besar dalam usaha JAHEAIK membendung kesalahan-kesalahan di bawah KJS (1985) dan juga kesalahan-kesalahan di bawah KJS II (1993) 2015. Hal ini telah pun dibincangkan dengan pihak Pejabat Sumber Manusia (PSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan (Bahagian Pengurusan JAHEAIK, 2021). Mengulas mengenai hal ini, Penolong Pengarah Operasi Bahagian Penguatkuasa,⁷ menyatakan:

“Bilangan anggota penguatkuasa Syariah di Kelantan adalah amat rendah kiranya dibandingkan dengan bilangan anggota PDRM di Kelantan, apatah lagi jika dipecahkan bilangan anggota mengikut jajahan dan daerah. Jumlah anggota PDRM yang lebih ramai pun masih belum mampu untuk membendung kadar jenayah yang berlaku, inikan pula anggota penguatkuasaan Syariah yang amat kurang bilangannya”.

“Kekurangan anggota penguatkuasaan Syariah di Kelantan akan menjelaskan pelaksanaan KJS II (1993) 2015, ini kerana melibatkan kesaksian, prosedur tangkapan, siasatan, kepakaran dan lain-lain. Oleh itu Kerajaan Kelantan hendaklah menambahkan bilangan anggota penguatkuasa Syariah Kelantan, setanding dengan pihak PDRM....”

Berdasarkan kenyataan di atas jelas menggambarkan kekurangan anggota penguatkuasa syariah dan menjadi kesukaran untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 dan Hudud di Kelantan. Kerajaan Kelantan perlu menambah bilangan anggota penguatkuasa seiring dengan anggota polis kerana kekurangan anggota penguatkuasa syariah akan menjelaskan tugas menguatkuasakan KJS II (1993) 2015. Apabila dirujuk kepada pihak JAHEAIK berkaitan masalah kekurangan anggota penguatkuasa ini, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)⁸ menyatakan:

“Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dalam proses untuk memberi kuasa dan tauliah menangkap kepada para imam, para penghulu, para penggawa, guru agama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sebagai anggota penguatkuasa (tambahan) yang mempunyai kad kuasa bagi menjalankan kerja-kerja membantu dan menahan orang-orang yang disyaki melakukan jenayah di bawah KJS II (1993) 2015 bersama dengan anggota penguatkuasa JAHEAIK... dengan ini bilangan anggota penguatkuasa akan bertambah”

Kenyataan ini bermaksud pihak JAHEAIK akan melantik para imam mukim yang memiliki tauliah MAIK, penghulu⁹ dan juga penggawa¹⁰ di seluruh Kelantan untuk membantu pegawai penguatkuasa syariah bagi menahan dan menangkap orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah KJS II (1993) 2015. Namun, tindakan untuk memberi tauliah

⁷Temu bual dengan In28, Pen. Pengarah Operasi Bhgn. Penguatkuasaan Undang Syariah pada 20.8.2020 di Kota Bharu.

⁸Temu bual dengan In3, Pengarah JAHEAIK di pejabatnya pada 7.8.2016

⁹Ketua kampung ialah lantikan politik kerajaan PAS Kelantan

¹⁰Penggawa juga dikenali di Kelantan sebagai *Tok Gawo* iaitu penolong pegawai tadbir (penggawa) Gred (NP29) untuk menjaga satu daerah dan di tempatkan di setiap pejabat tanah dan jajahan.

menangkap kepada golongan tersebut menimbul tanda tanya memandangkan tugas penguatkuasaan ini memerlukan pengetahuan tertentu. Apabila ditanya berkaitan hal ini kepada peguam¹¹ yang memahami perkara ini menyatakan:

“Cadangan untuk melantik para imam, para penghulu dan para penggawa sebagai anggota penguatkuasa Syariah adalah dibimbangi tidak menepati kehendak dan maqasid syariah dalam pelaksanaan KJS II 1993 (2015) & Hudud. Maqasid syariah adalah melihat kepada matlamat pelaksanaan Hudud untuk mencapai keadilan dan kemakmuran, namun apa yang dilihat dan diperhatikan, pelantikan ini adalah lebih bermotifkan kepada matlamat untuk meramaikan anggota penguatkuasa Syariah tanpa melihat dari sudut kecekapan, kepakaran, pengetahuan. Umum mengetahui bahawa golongan ini tidak mempunyai pengalaman dan ilmu yang cukup untuk menjadi anggota penguatkuasa Syariah, malah sesetengahnya telah berusia dan tidak mampu untuk melaksanakan tugas ini, ini juga dilihat sebagai “helah” untuk menutup ruang-ruang dan kelemahan terhadap cabaran politik dan persoalan yang dikemukakan oleh awam dan pihak-pihak tertentu yang mempersoalkan persediaan Kerajaan Kelantan dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015”.

Tindakan melantik para imam, penggawa dan penghulu sebagai anggota penguatkuasaan syariah dikhuatiri akan mendatangkan masalah kerana mereka tidak mempunyai kepakaran untuk menjalankan kerja-kerja tangkapan, siasatan dan perbicaraan di mahkamah. Hal ini boleh mendatangkan kecacatan dan fitnah, malah mereka juga sering bertukar ganti dari semasa ke semasa malah sebahagian daripada mereka juga dilantik atas sifat politik, seperti penghulu atau ketua kampung. Pelantikan pihak-pihak yang dinyatakan ini disifatkan sebagai menzahirkan persediaan kerajaan Kelantan untuk pelaksanaan KJS (II) (1993) 2015. Namun hakikatnya situasi ini memberi gambaran bahawa kerajaan negeri tidak begitu bersedia dalam banyak aspek berkaitan pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

Penolong Pengarah¹² (Unit Siasatan Undang-Undang Syariah JAHEAIK) menyatakan kekurangan anggota penguatkuasa di Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, sama ada di peringkat ibu pejabat atau jajahan membimbangkan dan akan mengganggu pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Komen beliau:

“Kemudahan dan barang-barang,... tak mencukupi..macam kereta, aircond, bilik barang bukti, anggota lelaki tak ramai, kalau ada yang bertukar atau berhenti...memang tak berganti dah. Anggota wanita lagi la tak cukup. Di Kota Bharu pun tak cukup apatah lagi jajahan lain. Wanita memang langsung takde kat jajahan. Tak tahu la, kalau kita sebut benda ni orang kata kita tak pandai urus. Tapi nak buat macam mana kalau dah tak cukup staf...lemas tahu. Benda ini boleh menjelaskan kecekapan dan keselesaan anggota. Kita ni kena bertugas, ada shif 24 jam. Sorry la. Saya perempuan, staf bawah saya lelaki. Susah nak keluar bersama...”

Terdapat juga isu kekurangan pengawai penyiasat di Bahagian Penguatkuasa

¹¹ Temu bual dengan In19, peguam sivil & syariah pada 24.10.2019

¹² Temu bual dengan In29, Pen. Pengarah Siasatan pada 19.2.2021 Berpengalaman luas berkaitan siasatan.

Syariah (JAHEAIK) yang menyebabkan kes-kes akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Keadaan yang berlaku seperti status kakitangan kontrak dan sambilan juga mendatangkan banyak masalah kerana mereka pada bila-bila masa boleh berhenti apabila mendapat pekerjaan tetap. Selain itu status lokap tahanan di Bahagian Penguatkuasa Syariah (JAHEAIK) sehingga kini masih belum memenuhi piawaian pihak polis dan masih menunggu kelulusan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Menyentuh mengenai kekurangan di pihak Jabatan Pendakwaan Syarie Kelantan, Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasaan Syariah Negeri¹³ mengatakan bahawa ketidakmampuan Jabatan Pendakwaan Syarie Kelantan untuk menguatkuasakan KJS II (1993) 2015 ini juga di sebabkan kurang pengalaman dalam mengendalikan kes-kes berprofil tinggi.

Isu kekurangan anggota penguatkuasa rata-rata menunjukkan masalah ini berlaku di setiap jajahan. Dalam hal berkaitan, Pegawai Agama/Pegawai Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Jajahan¹⁴ umpamanya melahirkan kerisauan terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Ini kerana anggota penguatkuasa di peringkat jajahan Tumpat berjumlah tiga orang sahaja sedangkan penduduk di jajahan Tumpat berjumlah 100,538.00 orang. Nisbah dan bilangan anggota penguatkuasa agama ini dikhawatir tidak mampu untuk memenuhi keperluan dan melaksanakan tugas dengan baik. Contohnya jika berlaku tangkapan dalam kes zina sebagaimana peruntukan yang terdapat dalam KJS II (1993) 2015, empat orang saksi diperlukan untuk disabitkan kes zina.

Begitu juga respon oleh Pegawai Agama/Pegawai Penguatkuasa Jajahan¹⁵ yang mengatakan bahawa jumlah penduduk di jajahan Bachok ialah 150,000.00 orang¹⁶ dengan anggota penguatkuasa agama Islam hanya seramai tiga (3) orang. Manakala Pegawai Agama/Pegawai Penguatkuasaan Jajahan¹⁷ menjelaskan anggota penguatkuasa agama Islam hanya seramai tiga (3) orang berbanding jumlah penduduk di Kuala Krai seramai 132,600.00 orang. Jajahan Pasir Mas yang merupakan jajahan yang paling padat penduduknya selepas jajahan Kota Bharu iaitu seramai 241,000 orang juga hanya mempunyai seramai tiga (3) orang sahaja penguatkuasa agama Islam. Pegawai Pejabat Tanah dan Jajahan¹⁸ menyatakan:

“Jumlah penduduk di jajahan Pasir Mas ialah 241,100.00, adalah tidak masuk akal, jika dinisahkan bilangan penduduk dengan jumlah anggota penguatkuasa agama, malah Pasir Mas juga adalah jajahan yang agak panas kerana bersempadan dengan negara jiran Thailand. Terdapat juga kes-kes yang melibatkan warga Thailand, sama ada lelaki dan perempuan. Kekurangan anggota ini boleh juga membahayakan diri anggota yang bertugas”...

Isu yang dihadapi oleh Bahagian Penguatkuasa Agama JAHEAIK ini sama ada di peringkat negeri atau jajahan pernah mendapat perhatian Timbalan Menteri Besar Kelantan iaitu YB Dato' Mohd Amar Abdullah. Beliau telah menyarankan supuruh imam tua

¹³Temu bual dengan In5, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Syariah Kelantan, pada 27.2.2019

¹⁴Temu bual dengan In21, PAJ Jajahan Tumpat, pada 10.7.2021 jam 2.10 ptg.

¹⁵Temu bual dengan In20, PAJ Jajahan Bachok, pada 10.7.2021 jam 3.10 ptg.

¹⁶Rujukan maklumat daripada Pejabat Tanah & Jajahan Bachok Kelantan.

¹⁷Temu bual dengan In22, PAJ Jajahan Kuala Krai, pada 10.7.2021 melalui panggilan telefon, jam 4.00 ptg.

¹⁸Temu bual dengan In30, Pen. Pegawai Tadbir pada 20.7.2021 melalui percakapan telefon, jam 10.20 pagi. Beliau pernah bertugas ni pejabat agama Jajahan Pasir Mas dan turut terlibat dalam operasi tangkapan khalwat.

mukim lantikan MAIK, penghulu¹⁹ penggawa²⁰ dan guru-guru agama yang mempunyai tauliah mengajar daripada MAIK diberikan tauliah untuk menangkap orang yang disyaki (OYDS)²¹. Cadangan ini berdasarkan peruntukan di dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Kelantan No. 8 Tahun 2002, Seksyen 20, iaitu (Orang yang ditangkap oleh guru agama bertauliahan, penggawa, penghulu atau pegawai masjid: Bagaimana hendak diperlakukan):

“Seseorang pegawai masjid, guru agama bertauliahan, penggawa, penghulu yang membuat suatu penangkapan tanpa waran hendaklah tanpa kelengahan yang tak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis yang terdekat atau, jika pegawai itu tidak ada, membawa orang itu ke balai polis yang terdekat, dan seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis hendaklah menangkap semula tiap-tiap orang yang ditangkap sedemikian”

Mengulas mengenai cadangan tersebut, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa²² setelah merujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan mengatakan perkara ini perlu dikaji dengan lebih teliti dari segi perundangan dan pentadbiran. Isu-isu yang akan berbangkit berkisar tentang ilmu pengetahuan, kepakaran, latihan, kerahsiaan, salah guna kuasa dan lain-lain. Setakat kajian ini dibuat, cadangan tersebut masih belum dilaksanakan. Perkara ini turut mendapat perhatian pakar undang-undang dan perlembagaan iaitu Prof. Dr. Shamrahyau.²³ Beliau mengatakan cadangan memberi kuasa menangkap atau menahan orang yang disyaki ini kepada mereka yang dinyatakan di atas adalah tidak sesuai kerana memerlukan kepakaran dan pengetahuan. Isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini adalah isu besar yang akan membuka ruang kritikan dan cabaran yang hebat daripada masyarakat dan pihak-pihak tertentu sekiranya terdapat banyak kelemahan dan kecacatan. Beliau turut menjelaskan dengan nada yang serius:

“KJS II atau Hudud ini adalah benda besar, cantik dan elok tapi kiranya dimasukkan ke dalam kerangka yang sempit dan kecil, ianya akan menjadi satu letusan yang besar dan akan merosakkan kecantikan Islam itu sendiri, kiranya ia telah rosak, ianya akan mengambil masa yang terlalu lama untuk diperbaiki semula”

Dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang Syariah, ia memerlukan kefahaman, kepakaran dan perlu mengikut *Standard Operating Prosedure* (SOP) yang betul. Menurut salah seorang anggota²⁴ penguatkuasa syariah beliau menjelaskan:

“SOP ini melibatkan tatacara menangkap dan menahan pesalah,

¹⁹Penghulu @ Tok Ngulu atau ketua kampung, lantikan politik (ahli PAS) sekiranya bukan ahli PAS tidak akan dilantik sebagai penghulu di bawah kerajaan negeri Kelantan.

²⁰Kakitangan awam lantikan Suruhan Perkhidmatan Negeri (SPN) berpencen.

²¹Saranan ini telah diutarakan sewaktu Seminar Undang-Undang Syariah yang diadakan di Dewan Besar Balai Islam Lundang, pada tahun 2015.

²²Temu bual dengan In5, KPP Bahagian Pengkuatkuasa, pada; 27.7.2021.

²³Temu bual dengan Prof. Dr. Shamrahyau A.Aziz, pada 20.5.2019 di Kubang Kerian.

²⁴Temu bual dengan In26, Pembantu Penguatkuasa & Siasatan Kota Bharu pada 25.5.2019.

tatacara tahanan pesalah di lokap sementara di JAHEAIK, tatacara siasatan kes, tatacara pengendalian barang kes dan tatacara membawa pesalah ke penjara. Menurut beliau sesetengah daripada amalan sekarang hanyalah mengikut kebiasaan orang dulu-dulu dan tidak mengikut tatacara yang sebenar. Sebagai contoh terdapat isu di mana orang yang kena tahan dikesari, tidak mempunyai bilik simpanan barang kes, soal siasat pesalah wanita dilakukan oleh pegawai lelaki, tidak ada persediaan lengkap untuk menjadi saksi perbicaraan mahkamah, gugup dan takut untuk menjadi saksi di mahkamah. Ini mengambarkan tatacara pengurusan yang lemah dan tidak cekap. Dalam kes tertentu pernah berlaku seorang pesalah yang telah dijatuhi hukuman dibawa dengan kenderaan penguatkuasa jabatan agama untuk dihantar ke penjara di Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Malangnya, pesalah tersebut telah terjun daripada kenderaan penguatkuasa yang sedang bergerak dan berjaya meloloskan diri daripada kawalan anggota penguatkuasa syariah”.

Dalam kes-kes siasatan semasa, pegawai siasatan yang melakukan penyiasatan di bawah Kanun Jenayah Syariah (1984) terpaksa melakukan kerja keseorangan kerana kekurangan pegawai. Terdapat kes di mana pegawai siasatan terpaksa menunggang motosikal sendirian dengan jarak perjalanan yang agak jauh untuk menyiasat. Jarak perjalanan jauh yang pernah dilakukan untuk menyiasat kes ialah daripada Kota Bharu ke Kuala Krai dengan menggunakan motosikal milik sendiri. Banyak fail-fail siasatan yang tertinggak dan tidak dapat diselesaikan kerana kekurangan anggota. Jumlah pegawai siasatan ialah dua orang, menjalankan tugas siasatan di seluruh negeri Kelantan tanpa kemudahan yang lengkap.

Selain isu kekurangan anggota, kemudahan dan infrastruktur juga tidak mencukupi. Pegawai Agama Jajahan menjelaskan jumlah kenderaan di bahagian penguatkuasa undang-undang syariah adalah terhad. Kekurangan kenderaan merumitkan tugas menjalankan operasi pencegahan dan penangkapan. Masalah ini berlaku di seluruh pejabat agama jajahan negeri dan mereka terpaksa memohon bantuan daripada jabatan-jabatan lain seperti polis, Majlis Daerah, Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan lain-lain.

Manakala isu berkaitan dengan tahap kecekapan anggota penguatkuasa syariah juga tidak memuaskan. Ketua Pendakwa/Pengarah Jabatan Pendakwa Syarie Kelantan²⁵ mengatakan antara kelemahan Bahagian Pengukuasaan Syariah (JAHEAIK) ialah tahap kecekapan dan kemahiran anggota penguatkuasa. Sebagai contoh, apabila anggota penguatkuasa syariah dipanggil menjadi saksi untuk kes di mahkamah, seringkali anggota penguatkuasa syariah menampakkan kejanggalan, ketakutan dan kurang persediaan dalam menghadapi perbicaraan. Selain itu isu pembuktian apabila pihak penguatkuasa sering kali gagal mengemukakan barang bukti apabila diminta oleh pihak mahkamah. Bahagian Pengukuasaan Undang-Undang Syariah (JAHEAIK) pula masih tidak mempunyai bilik simpanan barang kes atau barang bukti²⁶. Terdapat kes-kes yang dibawa oleh pendakwa syar’ie ke mahkamah ‘tewas’ dengan mudah kerana kegagalan pihak penguatkuasa mengurus barang bukti kes dengan baik.

²⁵Temu bual dengan In10, Ketua Pendakwa pada 28.1.2020 melalui panggilan telefon dan aplikasi WhatsApp.

²⁶Barang rampasan dari tempat kejadian atau “*crime scene*”, sebagai bahan bukti semasa perbicaraan, seperti kondom, botol arak atau arak, daun terup, makanan (kes tidak puasa) dan lain-lain. Pengurusan barang kes untuk tujuan perbicaraan.

Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi/Rayuan Syariah Kelantan²⁷ menjelaskan kebanyakan orang yang didakwa di mahkamah Syariah di bawah KJS (1985) secara sukarela membuat pengakuan bersalah dan membayar denda. Pengakuan secara sukarela ini bertujuan untuk mengelakkan kes ini berlarutan, kerisauan diketahui oleh ahli keluarga dan media. Tambahan pula kadar denda yang dikenakan mampu dibayar. Namun, apabila KJS II (1993) 2015 dilaksanakan nanti, hukumannya adalah berat dengan denda sehingga seratus ribu ringgit, sebat sehingga seratus kali, potong anggota badan, penjara dan lain-lain. Keadaan ini menyebabkan tertuduh pasti memohon untuk dibicarakan dan melantik peguam dan melibatkan laporan media. Perkara ini pasti menimbulkan situasi tidak senang dan ketakutan kepada anggota penguatkuasa undang-undang syariah dan pendakwa syar'ie.

Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kelantan²⁸ banyak kelemahan perlu diperbaiki berdasarkan pengamatan beliau mengendalikan kes-kes jenayah di bawah KJS (1985). Antaranya soal pengurusan kes, isu pemahaman undang-undang (enakmen yang berkaitan), keyakinan diri, kemahiran komunikasi dan keberanian menjadi saksi perbicaraan adalah lemah dalam kalangan anggota penguatkuasa. Justeru, aspek latihan kemahiran, keyakinan diri dan kompetensi anggota sangat perlu dan dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan serta keadaan semasa. Kekurangan anggota penguatkuasa syariah juga melibatkan isu bilangan anggota penguatkuasa wanita dalam menguruskan kes-kes melibatkan pesalah atau tertuduh wanita. Perkara ini diperuntukkan dalam Seksyen 14 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (2002) yang menyatakan:

Tidak boleh dikenakan sekatan yang tidak perlu dan cara memeriksa seseorang. Bila mana perlu untuk menyebabkan seseorang itu diperiksa, pemeriksaan itu hendaklah dibuat oleh seorang yang sama jantinanya dengan orang yang diperiksa itu dengan memberi perhatian tegas tentang kesopanan.

Tidak semua pejabat agama jajahan mempunyai anggota penguatkuasa wanita. Hal ini menimbulkan masalah apabila melibatkan tangkapan pesalah wanita jika merujuk kepada saranan YB Timb. Menteri Besar supaya diberi tauliah menangkap kepada para imam, penghulu²⁹ dan penggawa sebagai anggota penguatkuasa memandangkan sehingga kini tidak ada wanita yang dilantik menjadi imam dan penggawa di negeri Kelantan.

Persediaan ke arah pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini Kerajaan Negeri Kelantan akan menubuhkan sebuah Galeri KJS II (1993) 2015 bertempat di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan³⁰. Antara matlamat penubuhan galeri tersebut ialah untuk menempatkan bahan-bahan pameran dan maklumat berkaitan dengan pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Penubuhan galeri ini juga sebagai salah satu medium pendidikan kepada semua lapisan masyarakat termasuk non-muslim, galeri tersebut akan mengadakan demonstrasi pelaksanaan sebat syariah. Namun, setakat ini galeri tersebut masih belum direalisasikan.

Berdasarkan kepada isu dan perkara yang dibincangkan ini menunjukkan bahawa masih banyak perkara yang perlu diberi perhatian di peringkat Penguatkuasaan Undang-

²⁷Temu bual dengan In8, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah pada 12.10.2020 di Kota Bharu, jam 10.00 pagi.

²⁸Temu bual dengan In9, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, pada 11.7.2019 melalui panggilan telefon.

²⁹Lantikan penghulu wanita dalam kalangan ahli-ahli PAS yang dikenali penghulu tanpa mukim telah diperkenalkan, namun bilangannya amat kecil dan tidak boleh untuk terlibat dalam operasi di atas di atas sebab-sebab tertentu.

³⁰Pembinaan Galeri Hudud ini tercatat dalam buku Hala Tuju Portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan Melangkah ke Hadapan (2018-2023).

Undang Syariah (JAHEAIK). Kelemahan dalam menyelesaikan hal ini boleh menyebabkan kegagalan dalam usaha melaksanakan KJS II (1993) 2015 dan juga menjelaskan syiar Islam itu sendiri.

Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK)

Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK) merupakan entiti penting dalam konteks pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Kesediaan dan kemampuan JKSK merupakan penentu kepada kejayaan pelaksanaan enakman tersebut. Persoalan tentang kemampuan JKSK ini agak menarik perhatian kerana hal ini pernah dibangkitkan ketika Seminar KJS II (1993) di salah sebuah hotel di Kota Bharu pada 2014 yang disertai oleh hakim syar'ie dalam dan luar negeri, wakil NGO, ahli akademik, peguam syar'ie dan sivil. Sewaktu seminar tersebut berlangsung, Hakim Mahkamah Syariah Kelantan³¹ apabila ditanya tentang persediaan mahkamah untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015 beliau mengatakan dengan jelas dan yakin:

“..Sekiranya Kerajaan Negeri Kelantan mengarahkan Mahkamah Syariah untuk melaksanakan KJS II (1993) & Hudud, hari ini kerajaan arah, kelmarin mahkamah telah pun bersedia untuk laksanakan enakmen tersebut”.

Kenyataan beliau itu menggambarkan seolah-olah Mahkamah Syariah Kelantan telah bersedia dan tiada masalah untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Namun adakah itu keadaan sebenar atau pandangan beliau itu masih ada tafsiran atau makna tertentu. Bagi mendapat penjelasan lebih baik berkaitan perkara ini pengkaji telah menemu bual YAA Ketua Hakim Syarie Kelantan³², beliau mengatakan:

“Mahkamah telah pun bersiap sedia sepenuhnya, sudah lama, menunggu masa sahaja untuk dilaksanakan undang-undang yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri, telah bersiap sedia, bila-bila masa sahaja.”

Berdasarkan kenyataan dan penegasan Ketua Hakim Syarie Kelantan di atas menggambarkan beliau yakin bahawa KJS II (1993) 2015 boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sahaja. Namun dapatan yang diperoleh dalam kajian ini menunjukkan kerajaan negeri Kelantan masih perlu menyelesaikan banyak perkara sebagai persediaan ke arah pelaksanaan KJS II (1993). Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan³³ menjelaskan bilangan kakitangan, hakim mahkamah rendah syariah dan hakim mahkamah tinggi masih kurang dan perlu ditambah. Bilangan hakim ini perlu ditingkatkan terutamanya di jajahan yang mempunyai penduduk yang ramai dan jumlah kes yang banyak seperti Kota Bharu dan Pasir Mas. Manakala jajahan yang terpencil seperti Kuala Krai dan Gua Musang perlu diwujudkan mahkamah tinggi syariah bagi memenuhi keperluan dan memudahkan masyarakat sekitar. Pada ketika ini semua kes di bawah kuasa mahkamah tinggi syariah dibicarakan di Kota Bharu sahaja dan jumlah hakim terbabit hanya seorang bagi

³¹Temu bual dengan In10, Hakim Mahkamah Syariah pada 28.10.2024 di Kota Bharu.

³²Temu bual dengan In24, Ketua Hakim Syarie Kelantan, pada 20.4.2018 di Kota Bharu, jam 11.00 pagi.

³³Temu bual dengan In8, Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan, soalan temu bual dijawab secara bertulis

seluruh negeri Kelantan³⁴.

Seorang peguam syar'ie³⁵ menyatakan bahawa jumlah pembahagian kes untuk perbicaraan di hakim mahkamah tinggi syariah adalah tidak seimbang. Ini kerana seorang hakim mahkamah tinggi syariah terpaksa mengendalikan lambakan kes dan mengambil tempoh yang lama untuk diselesaikan. Beliau juga menyatakan pegawai *sulh* juga perlu ditambah di setiap jajahan memandangkan ketika ini hanya terdapat seorang pegawai *sulh* sahaja untuk berkhidmat di dua jajahan. Manakala dari aspek kakitangan sokongan juga perlu ditambah kerana kakitangan sedia ada tidak mencukupi dengan nisbah kes yang semakin bertambah. Selain itu, infrastruktur mahkamah juga perlu ditingkatkan terutamanya pembinaan bangunan baharu di seluruh jajahan. Bangunan Mahkamah Syariah baharu yang akan dibina di peringkat jajahan mestilah berasingan daripada bangunan pejabat agama jajahan (PAJ). Pengasingan bangunan pentadbiran di antara agensi agama ini perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Masyarakat perlu diuar-uarkan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan (JMK), Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSK) dan Pejabat Agama Jajahan adalah merupakan entiti dan jabatan yang berlainan serta mempunyai bidang tugas dan peranan yang berbeza³⁶.

Agenda pelaksanaan KJS II (1993) 2015 memerlukan mahkamah khas syariah sebagaimana diperuntukkan bagi membicarakan kes-kes di bawah KJS II (1993) 2015. Mahkamah yang dinamakan sebagai Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas ini masih belum ditubuhkan. Begitu juga hakim bicara khas untuk membicarakan kes-kes di bawah KJS II (1993) 2015 pun masih belum dilantik. Dalam hal ini, Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan menjelaskan apabila KJS II (1993) 2015 dikuatkuasakan, maka akan tertubuhlah dua mahkamah tersebut dan bersedia untuk membicarakan kes-kes di bawah KJS II (1993) 2015. Namun, mahkamah-mahkamah tersebut ditubuhkan terlebih dahulu sebelum dikuatkuasakan KJS II (1993) 2015. Penubuhan mahkamah-mahkamah khas di bawah KJS II (1993) 2015 dan pelantikan hakim bicara khas lebih awal menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Kelantan telah benar-benar bersedia, serta dapat memberi keyakinan kepada semua pihak. Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi/Rayuan Syariah Kelantan menegaskan, sementara menunggu penubuhan Mahkamah Bicara Syariah Khas, pelantikan Hakim Bicara Syariah Khas, maka segala infrastruktur, kakitangan dan sebarang kemudahan yang sedia ada boleh digunakan. Manakala Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi/Rayuan Syariah Kelantan sekarang akan bertanggungjawab sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Bicara Syariah Khas KJS II (1993) 2015 tersebut³⁷.

Berdasarkan kepada dapatan dan perbincangan hasil temu bual beberapa informan penting berkaitan KJS II (1993) 2015 memberi gambaran tentang tahap persediaan Kerajaan Kelantan untuk pelaksanaan undang-undang tersebut yang masih belum cukup dan tiada inisiatif yang berfokus. Jelas sekali perkara ini melibatkan persediaan mental, fizikal, infrastruktur dan kerjasama dengan beberapa agensi, sama ada agensi negeri atau agensi persekutuan. Terdapat beberapa agensi yang berada di bawah Persekutuan yang tidak terkesan dengan arahan Kerajaan Negeri Kelantan untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015

³⁴Temu bual dengan In10, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, pada 20.1.2019 melalui panggilan telefon.

³⁵Temu bual dengan In18, Peguambela & peguamcara pada 14.6.2019 di Kota Bharu jam 12.00 tengahari.

³⁶Temu bual dengan In11, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, di Kota Bharu sempena "Seminar Anak Tak Sah Taraf", anjuran Persatuan Peguam Syarie Kelantan (PPSK).

³⁷Temu bual dengan In8, Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi dan Rayuan Syariah Negeri Kelantan di Kota Bharu.

seperti polis, hospital dan penjara.

Justeru, kerajaan negeri dan persekutuan perlu ada persefahaman untuk berbincang ke arah penyelarasan pelaksanaan perintah daripada mahkamah syariah negeri Kelantan sebagai mahkamah yang diiktiraf oleh perlombagaan. Manakala kerjasama di antara agensi-agensi di bawah kerajaan negeri Kelantan, kefahaman perundangan dan prosedur juga perlu di tambah baik. Pihak Kerajaan Negeri Kelantan perlu memberi tumpuan serius untuk menambah baik segala infrastruktur kepada agensi yang terlibat seperti kakitangan, kenderaan, bangunan pejabat dan lain-lain yang diperlukan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulanya kajian merumuskan bahawa kerajaan negeri Kelantan tidak bersedia untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015. Antara isu ketidaksediaan dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015 adalah sumber manusia, infrastruktur, penambahbaikan hubungan agensi pelaksana dan pengoperasian dan perkara yang amat penting juga adalah persefahaman kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan dalam beberapa perkara, seperti perundangan, kepakaran, infrastruktur dan bilangan anggota penguatkuasa syariah. Walau bagaimanapun, dalam hal-hal yang tertentu pihak Kerajaan Negeri Kelantan boleh mengambil langkah tertentu berkaitan perkara-perkara yang berada dalam ruang lingkup kerajaan negeri dengan kadar segera, seperti membuat penambahan sumber manusia, menyediakan latihan dan kursus yang sesuai kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Kelemahan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di negara-negara luar sewajarnya menjadi panduan kepada kerajaan Kelantan dalam mengatur perancangan yang lebih baik bagi memastikan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 berjalan seperti mana yang diharapkan demi kesucian dan keagungan syariat Ilahi.

RUJUKAN

- Al-Qaradawi, Y. (2010). *Kesederhanaan dalam Islam: Satu Penerangan Ringkas dan Penanda Aras* (Terjemahan Mohd. Lukman Said & Hasan Basri Awang Mat Dahan). *Institut Kajian Dasar*.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Kelantan No.8 Tahun (2006), Percetakan Nasional Berhad, Kuala Terengganu. Terengganu.
- JAHEAIK (2024). *Profil Jabatan, Sejarah Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)*. jaheaik.kelantan.gov.my
- Warta Kerajaan Negeri Kelantan (2015). Percetakan National Malaysia Berhad, Kuala Terengganu, Terengganu.

TEMU BUAL

Temu bual dengan YB. SS Dato' Haji Mohammad Sukri Mohammad, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan di Kota Bharu sempena "Seminar Anak Tak Sah Taraf". Pada 14.9.2017 Anjuran: Persatuan Peguam Syar'ie Kelantan (PPSK).

Temu bual dengan YB. Dato' Haji Che Mohd. Rahim Hj. Jusoh, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), pada 20.8.2019 di Pejabat Pengarah JAHEAIK

Temu bual dengan YAA Dato' Aria D' Raja Haji Daud Mohammad, Ketua Hakim Syarie Kelantan, pada 20.4.2018 di Kamar Ketua Hakim Syarie Kelantan, jam 11.00 pagi.

Temu bual dengan Prof. Dr. Shamrahayu A.Aziz, Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA), pada 20.5.2019 di Kota Bharu.

Temu bual dengan Zaini Sulaiman, Ketua Pendakwa Syarie Kelantan di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan, pada 28.3.2019 di Pejabat Pendakwa Kelantan.

Temu bual dengan Mohd Hafiz Haji Daud, Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi/ Rayuan Syariah Kelantan, soalan temu bual ini telah dijawab secara bertulis oleh responden.

Temu bual dengan Che Hartini Che Omar, Peguambela & Peguamcara, Syar'ie pada 14.6.2019 di alamat Kg. Panjang Banggu Kota Bharu Kelantan, Jam 12.00 tengahari.

Temu bual dengan Mohd Hafiz Haji Daud, Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah pada 6hb. Feb. 2022 di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan.

Temu bual dengan Anwan Mutalib, Hakim Mahkamah Rendah Kota Bharu, pada 11.7.2019 melalui perbualan telefon.

Temu bual dengan Wan Zaini Wan Abdullah, Penolong Pegawai Penguatkuasa Syariah (JAHEAIK) Kota Bharu, pada 13.5.2019 melalui perbualan telefon.

Temu bual dengan Norliza Che Leh, pada 20.7.2021 Penolong Pegawai Pejabat Tanah & Jajahan Pasir Mas Kelantan, melalui percakapan telefon, jam 10.20 pagi.

Temu bual dengan Zahidi Muhamad, Pembantu Penguatkuasa & Siasatan (JAHEAIK) di Pejabat Bahagian Pengurusan Halal JAHEAIK.

Temu bual dengan Ahmad Jailani Abdul Ghani, Pegumbela & Peguam Syar'ie, pada 24.10.2019 melalui panggilan telefon, jam 10.00 malam.

Temu bual dengan Rohani Mohd Noor, Penolong Pengarah (Siasatan) Bahagian Penguatkuasa Syariah, di Bahagian Pengurusan Halal, JAHEAIK, pada 12.9.2021. Jam 10.00 pagi.

Temu bual dengan Mohd Fadzuli Mohd Zain, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa Syariah Kelantan, pada 27.2.2019 di JAHEAIK.

Temu bual dengan Nik Ahmad Zuhdi Nik Yaakob, Pegawai Agama Jajahan Tumpat, pada 10.7.2021 di Pejabat Agama Jajahan Tumpat, jam 2.10 petang.

Temu bual dengan Alias Abdul Rahman, Pegawai Agama Jajahan Kuala Krai, pada 10.7.2021 melalui panggilan telefon, jam 4.00 petang

Temu bual dengan Khairul Anwar Mohammed Hanif, Penolong Pengarah (Operasi) Penguatkuasa Undang-undang Syariah (Operasi) pada 16.3.2020, jam 2.30 petang.